

# Rumah murah: Usaha MB

Oleh Yunus Said

PETALING JAYA, Isnin — Takrif rakyat yang layak membeli rumah murah awam kondominium mestilah dikaji semula bagi memastikan setiap rakyat berpendapatan rendah mampu membelinya.

Persidangan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri di sini hari ini memutuskan syarat yang menentukan seseorang itu mesti mempunyai pendapatan bulanan tidak kurang dari \$720 bagi membeli rumah tersebut adalah tidak wajar.

Penetapan sewa \$120 sebulan tidak termasuk bayaran penyelenggaraan bagi rumah jenis yang sama juga adalah terlalu mahal bagi rakyat berpendapatan rendah, kata sidang itu.

Menurut Pengerusi Persidangan tersebut, Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Othman Saat, soal ketidakwajaran tersebut telah pun dibincangkan dalam mesyuarat Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri yang lalu.

"Dalam mesyuarat yang lalu kami bersetuju untuk membincangkan perkara tersebut dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

"Tetapi oleh kerana beberapa hal, perbincangan itu tidak dapat dijalankan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, dalam mesyuarat hari ini, perincian telah dibuat supaya takrif kelayakan seseorang membeli rumah murah awam kondominium itu dikaji semula.

Beliau bagaimanapun tidak menghuraikan kadar pendapatan rakyat golongan manakah yang seharusnya dijadikan ukuran kelayakan.

Persidangan tersebut dihadiri oleh semua Menteri Besar dan Ketua Menteri kecuali Pahang, Pulau Pinang, Perlis dan Negeri Sembilan yang cuma menghantar wakil sahaja.

Selain itu, Tan Sri Othman berkata persidangan itu bersetuju merayu kepada Majlis

Kewangan Negara agar menaikkan habuan eksport bijih timah kepada negeri-negeri dari 10 peratus kepada 20 peratus.

Katanya, rayuan tersebut akan dikemukakan kepada Perbendaharaan Negara yang kemudian akan membawanya ke mesyuarat Majlis Kewangan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Di samping itu, katanya, mesyuarat juga memutuskan supaya Kerajaan Pusat mempercepatkan lagi proses mengambil tindakan terhadap pemborong-pemborong yang gagal menyiapkan satu-satu projek pembangunan pada masanya.

## Pemborong

Buat masa ini, jelasnya, tidak ada peruntukan undang-undang yang boleh mengambil tindakan segera terhadap pemborong atau pemaaju sesuatu projek pembangunan yang menyeleweng.

Persidangan tersebut juga akan mengemukakan rayuan kepada Menteri Kewangan supaya mengkaji semula syarat pinjaman yang dikeluarkan oleh Bank Negara kepada bank-bank perdagangan bagi pembelian rumah.

Menurut Tan Sri Othman, kajian semula itu perlu dibuat memandangkan bank-bank perdagangan sekarang lebih cenderung mengeluarkan pinjaman membeli rumah lebih dari \$100,000 sahaja bagi mendapatkan lebih banyak faedah.

Selain itu, katanya, mesyuarat tersebut juga membincangkan soal penyelarasan dan pelaksanaan rancangan menyediakan perbekalan air yang mencukupi bagi mencegah dan melawan kebakaran.

"Kami mengkaji aspek-aspek kewangan yang bersangkutan dengan rancangan tersebut," katanya.

Menteri Besar Johor itu juga memberitahu, satu lagi agenda mesyuarat ialah mengenai perlunya Laporan Komputer Pusat mengenai segala maklumat kerajaan-kerajaan negeri disusun semula.

Ini kerana pengalaman menunjukkan sering berlaku percampuhan maklumat antara rekod Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat, katanya.

Tan Sri Haji Othman bagaimanapun menafikan mesyuarat hari ini menyentuh soal kedudukan politik Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri.

Sebelum petang hari ini pasukan bola sepak Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri akan mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan Kerajaan Negeri Selangor.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia